

24/02/1997

Sri Lanka mahu contohi Malaysia

Rasid Rahaman in Colombo

COLOMBO, Ahad - Sri Lanka ingin menjadikan Malaysia sebagai negara contoh dan sebagai model untuk membangunkan negara itu, kata Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Selaras itu, beliau berkata, Sri Lanka mahu meningkatkan hubungan dua hala dengan Malaysia dan akan menyediakan peluang perniagaan di negara itu kepada ahli perniagaan negara ini.

"Dalam rangka lawatan saya selama tiga hari untuk menemui penduduk Melayu Sri Lanka, saya dapat bertemu dengan Menteri Luarnya, Lakshman Kadirgamar di pejabatnya di sini, semalam.

"Dalam pertemuan itu, beliau menyatakan hasrat Sri Lanka untuk meningkatkan hubungan dua hala dan akan menjadikan Malaysia sebagai negara contoh untuk membangunkan negara itu," katanya kepada pemberita selepas mengakhiri lawatan untuk menemani penduduk Melayu Sri Lanka selama tiga hari di sini, hari ini.

Turut serta dalam lawatan itu, Exco Kerajaan Selangor, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad; Pengerusi Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), Datuk Zainal Zakom; dan beberapa ahli perniagaan dari Selangor.

Dalam lawatan itu, Muhammad turut merasmikan Kompleks Melayu dan Kebudayaan Sri Lanka serta pejabat Sekretariat Melayu Antarabangsa (SMA) di Jalan Padang, semalam.

Muhammad berkata, menteri luar itu turut menyampaikan salam kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dengan pelantikan duta baru negara itu ke Malaysia yang juga bekas Gabenor Bank Negara Sri Lanka, lebih-lebih lagi selepas mengubah dasar luarnya, mereka percaya hubungan dua hala dengan negara ini dapat ditingkatkan, sekali gus membantu membangunkan negara itu," katanya.

Sehubungan itu, katanya, ahli perniagaan Melayu di Malaysia perlu menghubungi ahli perniagaan negara itu untuk mencari tapak baru, sekali gus sebagai titik permulaan hubungan dua hala.

(END)